



MOHAMED Khaled Nordin bersama kontinjen Singapura yang muncul juara keseluruhan kategori institusi pengajian tinggi dan remaja pada Kejuaraan Pencak Silat Antarabangsa Piala Timbalan Perdana Menteri 2010 di Kulaijaya, baru-baru ini.



(DARI KIRI) Hairul Anuar Hamid, Asmda Nazira Zakari, Syazwani Nayan dan Mohd. Redhouddin Mohd. Mustakim yang muncul pesilat terbaik kategori remaja dan institusi pengajian tinggi di Kulaijaya, baru-baru ini. - UTUSAN/NASIRRUDDIN YAZID

Pelajar digalakkan disertai aktiviti sukan, kokurikulum

Usaha lahir minda kelas pertama

Oleh KHADIJAH IBRAHIM
utusanjohor@utusan.com.my

JOHOR BAHRU 5 Okt. – Kementerian Pengajian Tinggi menggalakkan penglibatan mahasiswa dan pelajar dalam pelbagai aktiviti sukan serta kokurikulum bagi membantu mereka dalam pembinaan dan pembangunan karakter, nilai dan jatidiri dalam individu.

Menterinya, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, seseorang pelajar yang membabitkan diri dalam bidang sukan dilihat mempunyai ciri kepimpinan, lebih berdaya

saing dan berani menghadapi cabaran.

Selain itu, katanya, adalah menjadi hasrat kerajaan untuk melahirkan modal insan yang berkualiti dan mempunyai minda kelas pertama.

“Untuk itu pelbagai inisiatif, aktiviti dan program sukan terus dibangun dan dianjurkan dalam universiti di seluruh negara, baik di peringkat universiti, kebangsaan mahupun antarabangsa.

“Penganjuran pelbagai aktiviti dan jenis sukan ini bermatlamat untuk memastikan budaya serta nilai baik tersurat mahupun yang tersirat melalui penglibatan dalam su-

kan,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas majlis perasmian penutup dan penyampaian hadiah Kejuaraan Pencak Silat Antarabangsa Piala Timbalan Perdana Menteri 2010 di sini, baru-baru ini.

Mohamed Khaled berkata, melalui penganjuran sukan, pihak institusi boleh mengetengahkan bakat-bakat baru dalam acara sukan tertentu yang selaras dengan Dasar Pembangunan Sukan Institusi Pengajian Tinggi (IPT).

“IPT akan dijadikan sebagai pemangkin kepada pembangunan kecemerlangan sukan negara selain mewujudkan budaya bersukan.”

katanya.

Katanya, pemilihan acara pencak silat anjuran Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) sebagai salah satu daripada kejuaraan antarabangsa itu antaranya bertujuan mempromosi budaya dan keunikan acara pencak silat.

Beliau berkata, warisan seni silat bukan sahaja telah mempengaruhi pembentukan sosiobudaya hidup masyarakat Melayu yang ada pada hari ini, malah ia juga sinonim dengan nilai-nilai murni seperti disiplin, hormat kepada pemimpin selain membina keyakinan dalam diri.

“Melalui penganjuran sukan, pihak institusi boleh mengetengahkan bakat-bakat baru dalam acara sukan tertentu yang selaras dengan Dasar Pembangunan Sukan IPT

- MOHAMED KHALED NORDIN
Menteri Pengajian Tinggi